

Adabi guna MIFB 2001 promosikan barangan pengguna

UM 20 JUN 2001

RAWANG 19 Jun — Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (ACISB) akan menggunakan Pameran Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia 2001 (MIFB 2001) untuk mempromosikan barangan keluaran mereka kepada pengguna.

ACISB adalah antara syarikat-syarikat yang akan menyertai pameran MIFB 2001 anjuran Utusan Events Management Sdn. Bhd. (UEMSB), sebuah anak syarikat kumpulan Utusan, di Pusat Pameran dan Konvensyen Sunway di Petaling Jaya mulai 12 hingga 15 Julai ini.

Menurut Pengurus Perhubungan Awam dan Promosi, Raman Abu Samah, MIFB 2001 adalah landasan terbaik bagi ACISB mempergiatkan usaha mempromosi barangan syarikat itu yang telah pun digunakan secara meluas oleh pengguna di Malaysia.

"Di MIFB 2001 itu nanti, kita akan memperkenalkan keluaran terbaru ACISB iaitu, rendang, lemgang dan minuman berkhasiat Kunyit Temulawak kepada pengunjung," katanya kepada Utusan di pejabatnya di sini baru-baru ini.

ACISB yang ditubuhkan pada 1984 adalah sebuah syarikat milik penuh bumiputera telah mengeluarkan barangannya yang pertama iaitu serbuk kari Adabi.

Keluaran mereka itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan sebagai memenuhi permintaan, mereka mempelbagaikan lagi barangan keperluan asas makanan dengan menambah keluaran kepada serbuk sup, tepung gandum segera, pe-



Malaysia
International
Food & Beverage
Exhibition 2001

rencah, sos dan tepung curur segera.

ACISB telah mendapat kepercayaan ramai sebagai pengeluar unggul barangan keperluan pengguna di pasaran dan pada masa ini terdapat sebanyak 42 jenis barangan keluaran ACISB di pasaran.

Mengulas lanjut, Raman berkata, barangan ACISB terjamin mutunya, kebersihan dan keasliannya, ia dibungkus dengan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan mutu barangannya sentiasa segar dan lazat.

"ACISB adalah syarikat pertama yang mendapat pengiktirafan sivil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya.

Tambah beliau, bagi memastikan keunggulan barangan keluarannya ACISB mempunyai pasukan penyelidikan dan pembangunannya yang mantap dan berpengalaman.

Katanya, barangan ACISB juga telah mendapat pelbagai pengiktirafan antarabangsa antaranya New Millennium Award di

Pameran Makanan dan Minuman Antarabangsa Paris dan pada 1999 memperoleh anugerah kecemerlangan Barangan Buatan Malaysia daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

Pameran MIFB 2001 Julai ini yang bertemakan *Membina Rakan Kongsi Perniagaan* mendapat keraja sama daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Kepada syarikat yang berminat untuk mendapat keterangan lanjut boleh menghubungi Eksekutif Projek UEMSB, Piong Aili di telefon 03-7954 1081-11180 atau faks 03-7954 1724/7956 2037.